



BE Lifestyle Travel ke Jepun



“

Kejayaan dan Warisan Kita Sendiri

RCCA Bryan Tan Wei Hao & Jessica Lee Siew Chin

Pewaris generasi kedua perniagaan keluarga / Suri rumah

Ramai pemimpin berjaya mencapai impian mereka di BE. RCCA Bryan dan Jessica adalah salah seorang daripadanya.

DARIPADA KONVENSIONAL SEHINGGA ANTARABANGSA

Disebabkan disleksia, Bryan berhenti sekolah awal dan mula bekerja di sebuah salon rambut selama beberapa tahun sebelum memulakan salunnya sendiri pada usia 21 tahun. “Ayah dan datuk saya masing-masing ialah ahli perniagaan dan saya ingin menjalankan perniagaan saya sendiri seperti mereka. Tetapi percubaan pertama saya bak bencana. Salun saya tidak mampu bertahan setahun pun!”

Selepas menamatkan perniagaan salunnya, Bryan menolong ayahnya menguruskan salah sebuah kedai perkakasan keluarga mereka. Beliau menguruskan perniagaan dengan baik selama 10 tahun tetapi beberapa tahun kebelakangan ini, perniagaan ini menjadi semakin mencabar.

Ketika diperkenalkan kepada BE, serta-merta beliau tertarik dengan pelan pemasaran dan model perniagaannya. “Perniagaan BE mengintegrasikan platform dalam talian dan luar talian, dan tidak memerlukan inventori. Perniagaan konvensional adalah untuk menjana keuntungan kecil dan pulangan



Membeli kereta impian kita

cepat. Ia memerlukan inventori dan disebabkan inflasi, kita memerlukan model yang banyak untuk menyimpan stok. Di BE, anda tidak perlu melaburkan berjuta-juta untuk mengembangkan perniagaan anda ke peringkat antarabangsa. Yang perlu anda buat hanyalah berkongsi,” jelas Bryan.

DARIPADA SURI RUMAH HINGGA IBU-USAHAWAN

Jessica berkecimpung dalam perniagaan pemodelan selama 3 tahun sebelum menjadi suri rumah sepenuh masa. “Saya seorang suri rumah yang bahagia dengan suami yang penyayang dan anak-anak yang comel. Tetapi hidup saya sungguh membosankan. BE telah ‘membakar’ semula hidup saya. Ia telah memberikan saya sesuatu untuk dinanti-nantikan setiap hari.”

Jessica berkongsi bahawa ibu saudaranya kagum dengan pendapatan 5 angkanya melalui platform dan syarikat yang betul. Ibu saudaranya berkata walaupun beliau telah bekerja sebagai PA selama 20 tahun, pendapatannya tidak pernah mencapai 5 angka. “Kami amat menekankan betapa pentingnya melaburkan usaha anda di platform yang tepat. Bayangkan seekor kerbau yang rajin mengusahakan sawah. Pada akhirnya, adakah kerbau tersebut memiliki salah sebidang sawah yang diusahakan?”

Seorang suri rumah yang tidak berpengalaman, Jessica bangga bahawa ia telah berubah menjadi ibu-usahawan dengan BE. “Sememangnya tidak sukar bagi suri rumah untuk menjadi usahawan. Cuma sukar apabila anda



Bersama upline



BE Lifestyle Travel ke Melbourne



BE Lifestyle Travel ke Melbourne

mengehadkan diri. Sebaik sahaja anda melangkah keluar dari zon selesa anda, anda akan menemui jalannya.”

KEJAYAAN MILIK KITA SEPENUHNYA

Bryan mengakui bahawa jauh di lubuk hati, beliau selalu tersinggung dengan gelaran anak yang “bernasib baik” dengan seorang ayah yang boleh membekalkan segala keperluannya. “Saya ingin membuktikan bahawa saya sama seperti ayah dan datuk saya, seorang lelaki yang mampu berdikari dan gigih. Pengasas Ho Huey Chuin pernah mengatakan bahawa ibu bapa kita hanya dapat memberi kita latar belakang yang baik, tetapi terserah kepada kita untuk mencapai kejayaan kita sendiri. Akhirnya, saya berjaya, dengan BE. Senyuman di wajah ayah saya adalah pencapaian terbaik saya!”



Bryan terus berkongsi, “Dalam perniagaan konvensional, anda boleh menang beberapa kali tetapi sekali sahaja kegagalan boleh menghancurkan segalanya. **Tetapi di BE, anda boleh gagal (ditolak) berkali-kali, tetapi apabila kejayaan menjelma, ia adalah pencapaian seumur hidup.**”

